

JUMLAH WANITA DI PERINGKAT PEMBUAT KEPUTUSAN TERUS MENINGKAT: FATIMAH

November 24, 2016, Thursday
The Borneo Post



MESYUARAT: Fatimah mempengerusikan Mesyuarat Kajian Wanita Dalam Peringkat Pembuat Keputusan di Perkhidmatan Awam Sarawak.

KUCHING: Jumlah wanita di peringkat pembuat keputusan dalam perkhidmatan awam di negeri ini terus menyaksikan peningkatan, kata Menteri Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Fatimah Abdullah.

Menurutnya, walaupun jurang antara lelaki dan wanita di peringkat itu terus mengecil namun ia belum mencapai sasaran sebanyak 30 peratus seperti ditetapkan.

“Banyak yang kita perlu kejar dan ia akan mengambil sedikit masa. Namun kita perlu akui sejak perkhidmatan awam negeri menjalani transformasi, banyak perubahan disaksikan seperti lebih banyak kenaikan pangkat (di kalangan wanita),” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Kajian Wanita Dalam Peringkat Pembuat Keputusan di Perkhidmatan Awam Sarawak, di Kompleks Dewan Undangan Negeri di sini, semalam.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti Datin Megir Gumbek dan Pengarah Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak Noriah Ahmad.

Fatimah berkata peningkatan dalam jumlah wanita di peringkat pembuat keputusan meningkat sejak 2011.

Namun secara keseluruhan katanya, perkhidmatan awam negeri mempunyai jumlah wanita di peringkat pembuat keputusan terendah iaitu 10.2 peratus manakala sektor-sektor lain di antara 18 hingga 19 peratus.

Perkara itu dicerminkan dalam nisbah lelaki kepada wanita. Perkhidmatan awam negeri mempunyai nisbah tertinggi 8.8:1 manakala selebihnya antara 4.2 hingga 4.5, katanya.

Secara keseluruhan, jumlah wanita di peringkat pembuat keputusan yang memegang JUSA pada 2015 seperti jabatan dan badan berkanun persekutuan adalah 25 peratus, badan berkanun negeri (15.4 peratus), perkhidmatan awam negeri (12.2 peratus) manakala pihak berkuasa tempatan (100 peratus).

Beliau memberitahu, pihaknya dengan kerjasama penyelidik daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan mengkaji punca kekurangan itu dalam perkhidmatan awam negeri.

“Kajian ini penting kerana bila wanita jadi ketua, mereka bawa perspektif lain daripada kaum lelaki yang merupakan nilai tambah kepada keseluruhan organisasi.

“Saya rasa rugi jika misalnya mereka tidak dibawa bersama (ke peringkat pembuat keputusan) kerana saya yakin, wanita di Sarawak mempunyai kemahiran dan bakat,” katanya.